



Projek tanaman rosel diperkenalkan oleh Universiti Malaysia Terengganu melalui program pemindahan ilmu.

XSH / 14 / 04 / 2024 / M15 23

Roselpreneur bantu OKU jana pendapatan

Projek melibatkan 100 peserta itu dijangka mampu beri pulangan RM1,000 sebulan

Oleh **NURFARDLINA IZZATI MOKTAR**
KUALA TERENGGANU

FOTO: UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



Roselpreneur dijangka mampu memberi pulangan sehingga RM1,000 sebulan.

Sekumpulan penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya membantu 100 orang kurang upaya (OKU) pendengaran meningkatkan pendapatan bulanan mereka menerusi projek tanaman rosel dikenali sebagai Roselpreneur.

Ketua Projek Roselpreneur, Profesor Madya Ts Dr Wan Zaliha Wan Sembok menyatakan, projek itu dijangka mampu memberi pulangan sehingga RM1,000 sebulan.

Menurutnya, projek tanaman rosel seluas 2.03 hektar di Batu Buruk itu diusahakan sejak September tahun lalu dengan permulaan 100 peserta.

"Kita perkenalkan projek tanaman rosel melalui program pemindahan ilmu serta mengadakan siri latihan melalui kelas dan juga amali di lapangan.

"Projek Roselpreneur ini melibatkan hampir 100 orang ahli daripada komuniti OKU pekak termasuk isi rumah.



"Jika projek ini mencapai sasaran yang digariskan, kita sedia kembangkan kepada semua ahli OKU pekak yang berdaftar di negeri Terengganu," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Tambah Wan Zaliha, projek tersebut dapat membantu golongan OKU pendengaran melalui ilmu dan teknologi dalam bidang pertanian yang sangat luas selain ia mudah untuk diaplikasikan.

Ujarnya, latihan yang diberi bermula dengan penyediaan tapak samaian, penjagaan tanaman, tuaian dan penghasilan produk hiliran seperti jus, jem dan aiskrim rosel.

Ulasnya, projek Roselpreneur itu di bawah tajaan dana Yayasan Inovasi Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) manakala pemilihan padanan peserta OKU berdasarkan kemampuan me-

reka kerana ia mudah dilaksanakan dengan kos rendah.

"Program berbentuk pemindahan ilmu kepada komuniti itu telah dilaksanakan sejak lebih lima tahun lalu melibatkan peserta dari pelbagai latar belakang seperti komuniti asnaf, ibu tunggal dan kumpulan B40.

"Antara projek lain yang pernah dibuat ialah penghasilan baja, projek tanaman melon manis Terengganu, tanaman sayuran seperti tomato ceri, bendi, cili, timun batang serta pelbagai jenis sawi termasuk strawberi tanah rendah," ujarnya.

Wan Zaliha berkata, OKU pekak juga mampu berdikari melalui projek pertanian bandar atau Kebuniti Madani yang telah membuah hasil lumayan.

"Jadi kita berharap program pemindahan ilmu dari universiti kepada komuniti seperti ini mampu memberi suntikan semangat," jelasnya.